

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

3. Apakah perkhidmatan-pekhidmatan yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor MPSP?
- (a) Nyatakan perkhidmatan dan jumlah kos yang terlibat secara terperinci.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

3. Perkhidmatan-perkhidmatan di bawah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah di jalankan oleh kontraktor Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah seperti berikut:
- (i) Perkhidmatan pengangkutan sampah dari Stesen Pemindahan Ampang Jajar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung;
- (ii) Perkhidmatan pelupusan sisa pepejal;
- (iii) Pemotongan rumput dan pembersihan am di tempat awam;
- (iv) Pencucian Parit, Longkang Dan Pembentung;
- (v) Pembersihan Pondok Bas;

- (vi) Pembersihan kawasan perniagaan, komersial dan tempat tumpuan orang ramai
- (a) Jumlah kos tahunan untuk perkhidmatan pembersihan yang di kontrakkan oleh MPSP mengikut kawasan depoh pembersihan adalah seperti berikut :
 - (i) Bagi perkhidmatan pengangkutan sampah seperti perkara (i) di atas sebanyak RM2,079,000 telah dibelanjakan sehingga 30 Jun 2018;
 - (ii) Bagi perkhidmatan pelupusan sisa pepejal sebanyak RM5,237,211.16 telah dibelanjakan sehingga 30 Jun 2018; dan
 - (iii) Bagi perkhidmatan seperti perkara (iii) hingga (vi) di atas, kos secara terperinci bagi kerja pembersihan awam di 9 kawasan depot adalah seperti di **Lampiran A.**